

KHUTBAH JUMAAT

"SOLAT JUMAAT: TUNTUTAN, KELEBIHAN DAN ADAB-ADABNYA"
(19 April 2024M/ 10 Syawal 1445H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الْغَنِيِّ الْحَمِيدِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ
لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ، أَرْسَلَهُ اللَّهُ رَحْمَةً
لِلْعَالَمِينَ، وَإِمَامًا لِلْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، وَسَيِّدًا لِلْأَوَّلِينَ وَالْآخِرِينَ.
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.
أَمَّا بَعْدُ، يَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Iman dan takwa, menyinari hati umpama pelita, menyemarakkan kebaikan dalam diri, memimpin insan ke jalan yang mulia, menghakis sifat yang tercela, menyuburkan kasih dan cinta, ke arah kesejahteraan dunia dan akhirat.

Justeru, marilah kita bersama-sama meningkatkan keimanan dan ketakwaan, dengan menunaikan segala perintah Allah *subhanahu wata'ala* dan menjauhi semua tegahan. Mudah-mudahan kita menjadi umat yang terbaik, menjadi contoh dan ikutan insan yang lain.

Jagalah adab Solat Jumaat, usahlah bercakap-cakap dan bermain telefon bimbit serta berilah perhatian kepada khutbah yang disampaikan. Mudah-mudahan kita mendapat panduan dan

ganjaran pahala yang sempurna. Khatib akan membicarakan khutbah yang bertajuk " **Solat Jumaat: Tuntutan, Kelebihan Dan Adab-Adabnya** ".

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Menghadiri solat Jumaat adalah fardu ain ke atas setiap lelaki Islam yang mukallaf, merdeka (bukan hamba), tidak berada dalam keadaan musafir mahupun keuzuran yang dibenarkan oleh syarak. Imam an-Nawawi *rahimahullah* menjelaskan dalam kitabnya *al-Majmu' syarh al-Muhazzab* bahawa tuntutan wajib ini adalah berdasarkan kepada ayat al-Quran, hadis dan juga ijma' ulama. Firman Allah *subhanahu wata'ala* di dalam Surah al-Jumu'ah, ayat 9:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا نُودِيَ لِلصَّلَاةِ مِنْ يَوْمِ الْجُمُعَةِ فَاسْعَوْا إِلَىٰ ذِكْرِ اللَّهِ
وَدَرُّوا بِالْبَيْعِ ۚ ذَٰلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ إِن كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ (٩)

Maksudnya: *Wahai orang yang beriman! Apabila diserukan azan (bang) untuk mengerjakan sembahyang pada hari Jumaat, maka segeralah kamu pergi (ke masjid) untuk mengingati Allah (dengan mengerjakan sembahyang Jumaat) dan tinggalkanlah berjual-beli (pada saat itu); yang demikian adalah baik bagi kamu, jika kamu mengetahui (hakikat yang sebenarnya).*

Begitu juga melalui hadis yang sahih sanadnya daripada Toriq bin Syihab *radiallahu anhu* yang berbunyi:

((الْجُمُعَةُ حَقٌّ وَاجِبٌ عَلَىٰ كُلِّ مُسْلِمٍ فِي جَمَاعَةٍ إِلَّا أَرْبَعَةً عَبْدٌ مَمْلُوكٌ أَوْ
امْرَأَةٌ أَوْ صَبِيٌّ أَوْ مَرِيضٌ))

Maksudnya: *Solat Jumaat itu adalah tanggungjawab yang wajib ke atas setiap orang Islam yang dilaksanakan secara berjemaah, kecuali hamba yang dimiliki, wanita, kanak-kanak atau orang yang sakit.*

(Hadis riwayat Imam Abu Daud)

Oleh sebab itu, Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* telah memberi amaran kepada mereka yang mengabaikan solat Jumaat tanpa sesuatu uzur yang dibenarkan oleh syarak. Abi al-Ja'di ad-Dhomri *radiallahu anhu* meriwayatkan daripada Nabi *sallallahu alaihi wasallam*:

((مَنْ تَرَكَ ثَلَاثَ جُمُعٍ تَهَاوُنًا بِهَا طَبَعَ اللَّهُ عَلَى قَلْبِهِ))

Maksudnya: *Sesiapa yang meninggalkan tiga kali solat Jumaat kerana tanpa uzur (yang dibenarkan oleh syarak) atau mengambil mudah akan kewajipannya (bukan mengingkari hukumnya yang wajib), maka Allah akan mengunci hatinya (atau akan menjadi hatinya seperti hati orang yang munafiq).*

(Hadis riwayat Imam an-Nasa'ie)

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Hari Jumaat adalah hari yang mulia di sisi umat Islam. Terdapat banyak hadis yang menceritakan tentang kelebihan yang ada pada hari Jumaat. Antaranya, hadis daripada Abu Hurairah *radiallahu anhu* bahawa Nabi *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

((الصَّلَاةُ الْخَمْسُ وَالْجُمُعَةُ إِلَى الْجُمُعَةِ كَفَّارَةٌ لِمَا بَيْنَهُنَّ مَا لَمْ تُغَشَّ
الْكَبَائِرُ))

Maksudnya: *Solat lima waktu, Jumaat kepada Jumaat berikutnya merupakan kaffarah (penghapus dosa) di antara keduanya selagi tidak melakukan dosa besar.*

(Hadis riwayat Imam Muslim)

Imam al-Nawawi *rahimahullah* menyatakan bahawa setiap amalan yang dilakukan sepanjang minggu antara Jumaat hingga Jumaat berikutnya sebagaimana dinyatakan dalam hadis tersebut boleh menghapuskan dosa-dosa kecil. Sekiranya tidak terdapat dosa kecil atau besar maka akan dicatat baginya kebaikan dan diangkat darjatnya. Sekiranya terdapat dosa besar dan tidak terdapat dosa kecil, mudah-mudahan perkara tersebut dapat meringankan dosa besar yang dilakukan.

Dalam sebuah hadis yang lain, diriwayatkan daripada Abu Hurairah *radiallahu anhu*, bahawa Nabi *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

((إِذَا كَانَ يَوْمُ الْجُمُعَةِ، وَقَفَّتِ الْمَلَائِكَةُ عَلَى بَابِ الْمَسْجِدِ، يَكْتُبُونَ الْأَوَّلَ فَالْأَوَّلَ، وَمَثَلُ الْمُهْجِرِ كَمَثَلِ الَّذِي يُهْدِي بَدَنَةً، ثُمَّ كَالَّذِي يُهْدِي بَقْرَةً، ثُمَّ كَبِشًا، ثُمَّ دَجَاجَةً، ثُمَّ بَيْضَةً. فَإِذَا خَرَجَ الْإِمَامُ، طَوَّأُوا صُحُفَهُمْ، وَيَسْتَمِعُونَ الذِّكْرَ))

Maksudnya: *Apabila hari Jumaat, para malaikat berdiri di pintu-pintu masjid mencatat orang yang datang awal ke masjid dan seterusnya. Orang yang datang awal mendapat pahala seumpama orang yang bersedekah dengan seekor unta. Kemudian (orang yang datang selepas itu) mendapat pahala seumpama orang yang bersedekah dengan seekor lembu. Kemudian (orang yang datang selepas itu)*

mendapat pahala seumpama orang yang memberi sedekah seekor kibash dan (orang yang datang selepas itu) mendapat pahala seumpama bersedekah seekor ayam dan (orang yang datang selepas itu) mendapat pahala seumpama bersedekah sebiji telur. Apabila imam telah datang (untuk memberi khutbah), maka para malaikat itu melipat (menutup) catatan-catatan mereka dan mendengar khutbah.

(Hadis riwayat Imam al-Bukhari)

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Bagi memperolehi ganjaran dan kelebihan yang sempurna daripada solat Jumaat yang dilaksanakan, maka marilah kita bersama-sama menjaga adab-adab solat Jumaat. Antaranya;

Pertama: Mandi sunat Jumaat setelah masuk waktu fajar hari Jumaat dan sebaik-baiknya sebelum pergi solat Jumaat.

Kedua: Membersihkan tubuh daripada kekotoran dan bau busuk, memotong kuku dan mengemas rambut, serta memakai minyak dan wangi-wangian.

Ketiga: Memakai pakaian yang terbaik dan sebaik-baiknya jubah yang berwarna putih.

Keempat: Bersegera ke masjid dan solat sunat *tahiyyatul masjid*.

Kelima: Diam dan mendengar dengan penuh tumpuan kepada khutbah yang disampaikan serta tidak melakukan perkara yang lain yang boleh menghilangkan tumpuan kepada khutbah.

Daripada Abu Hurairah *radiallahu anhu*, Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

((مَنْ تَوَضَّأَ فَأَحْسَنَ الْوُضُوءَ ثُمَّ أَتَى الْجُمُعَةَ فَاسْتَمَعَ وَأَنْصَتَ غُفِرَ لَهُ مَا بَيْنَهُ وَبَيْنَ الْجُمُعَةِ وَزِيَادَةُ ثَلَاثَةِ أَيَّامٍ وَمَنْ مَسَّ الْحَصَى فَقَدْ لَغَا))

Maksudnya: Sesiapa yang menyempurnakan wuduknya dengan baik, kemudian dia pergi menunaikan solat Jumaat, dan dia mendengar khutbah dengan penuh tumpuan dan diam semasa mendengar khutbah, maka diampunkan untuknya semenjak Jumaat sebelumnya dan ditambah tiga hari. Manakala sesiapa yang menyentuh (bermain-main dengan) anak-anak batu, (atau apa sahaja dengan jarinya-jarinya semasa khutbah), maka dia telah melakukan perbuatan sia-sia (dan kerana itu dia tidak mendapat pahala solat Jumaat yang khusus itu).

(Hadis riwayat Imam Muslim)

Berdasarkan kepada hadis tadi, perkara-perkara yang *lagha* perlu dielakkan semasa khutbah disampaikan oleh khatib. *Lagha* adalah perbuatan atau percakapan yang sia-sia atau tidak ada faedah kerana menghilangkan tumpuan seseorang kepada khutbah yang disampaikan.

Justeru, perbuatan menonton video di saluran youtube, berwhatsapp, bermain game online dan seumpamanya ketika khatib sedang berkhotbah perlu dielakkan kerana termasuk dalam perkara *lagha*. Begitu juga dengan perbuatan mengarahkan jamaah untuk memenuhkan saf, atau mengarahkan kanak-kanak diam dan tidak

bermain ketika khatib sedang menyampaikan khutbah, atau memungut derma ketika bacaan khutbah sedang berlangsung.

Selain daripada itu, perbuatan sengaja datang lewat ke masjid atau tidak terus masuk ke dalam masjid sebaliknya duduk di luar masjid sambil berbual-bual juga perlu diubah kerana menyebabkan pelakunya terlepas peluang untuk memperolehi ganjaran dan pahala yang khusus daripada ibadah solat Jumaatnya.

Semoga daripada peringatan yang telah disampaikan tadi, dapat menjadi panduan kepada kita bagi memperbaiki kesilapan-kesilapan yang berlaku sepanjang menghadiri solat Jumaat. Marilah kita bersama-sama meneruskan usaha menambah ilmu pengetahuan dan mengamalkannya dengan penuh adab agar ibadah kita terutamanya solat Jumaat kita, benar-benar berkualiti, bermanfaat dan isi-isi khutbah dapat dihayati dengan sepenuhnya.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Akhirnya, di penghujung khutbah ini, izinkan khatib merumuskan beberapa pengajaran penting dari khutbah yang disampaikan.

Pertama : Solat Jumaat adalah fardu ain ke atas setiap lelaki Islam yang mukallaf, merdeka (bukan hamba), tidak berada dalam keadaan musafir mahupun keuzuran yang dibenarkan oleh syarak. Oleh itu, perbuatan meninggalkannya dengan sengaja adalah berdosa.

Kedua : Kita hendaklah berusaha memastikan solat Jumaat yang dihadiri setiap minggu adalah terbaik, bermanfaat dan memperoleh pahala iaitu dengan menjaga adab-adabnya.

Ketiga : Kita hendaklah berusaha memastikan diri terhindar daripada melakukan perkara-perkara yang tidak bermanfaat dan sia-sia hingga boleh menyebabkan hilang pahala Jumaat.

Marilah sama-sama kita menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* di dalam Surah al-Jumu'ah, ayat 10 :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
فَإِذَا قُضِيَتِ الصَّلَاةُ فَانْتَشِرُوا فِي الْأَرْضِ وَابْتَغُوا مِنْ فَضْلِ اللَّهِ وَاذْكُرُوا
اللَّهَ كَثِيرًا لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ (١٠)

Maksudnya : *Kemudian setelah selesai sembahyang, maka bertebaranlah kamu di muka bumi (untuk menjalankan urusan masing-masing), dan carilah apa yang kamu hajati dari limpah kurnia Allah, serta ingatlah akan Allah banyak-banyak (dalam segala keadaan), supaya kamu berjaya (di dunia dan di akhirat).*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي
هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Berdasarkan keadaan cuaca panas dan kering akibat fenomena El Nino yang dijangka berterusan sehingga suku kedua tahun 2024, dan fasa peralihan monsun yang dijangka berterusan sehingga Mei 2024 yang lazimnya membawa hujan lebat berserta angin kencang dalam jangka masa yang singkat, maka khatib ingin mengingatkan pada jemaah sekalian, agar sentiasa mengambil langkah berjaga-jaga dan berwaspada terhadap kemungkinan berlakunya bencana di tempat masing-masing. Justeru, patuhilah arahan yang dikeluarkan oleh pihak yang berkuasa dari semasa ke semasa.

Pada masa yang sama, teruskanlah mengimarahkan masjid dengan melaksanakan solat fardu secara berjemaah yang ganjarannya amat besar sehingga 27 kali ganda berbanding solat secara bersendirian. Selain itu, pastikan makanan yang diambil adalah yang diyakini halal lagi baik agar kehidupan kita diberkati dan dimakbulkan segala doa kita.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah! Bantulah saudara-saudara kami di mana sahaja mereka berada, khususnya di negara Palestin. Kurniakanlah kepada mereka perlindungan, keselamatan dan kemenangan dalam menghadapi musuh-musuh nyata mereka. Angkatkanlah daripada mereka bala bencana, peperangan dan permusuhan dengan limpah rahmat-Mu, Tuhan yang Maha Rahmat.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara

kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, hindarkanlah kami dari gejala rasuah dan pelanggaran kepada peraturan dan undang-undang serta penyalahgunaan dadah. Kurniakanlah keselamatan dan kesejahteraan, jadikanlah kami ummah yang berkualiti dan berintegriti demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dalam aqidah, ibadah dan akhlak di bawah pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah ke atas kami nikmat keselamatan, kesihatan dan keafiatan serta hindarilah kami daripada segala wabak penyakit.

رَبَّنَا تَقَبَّلْ مِنَّا صَلَاتَنَا وَصِيَامَنَا وَقِيَامَنَا وَتَخَشُّعَنَا وَتَضَرُّعَنَا وَتَعَبُّدَنَا وَتَمَمِّمْ
تَقْصِيرَنَا، يَا اللَّهُ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ. رَبَّنَا أَتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً
وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ، أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يُأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ اللَّهِ
أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.